

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 4 TAHUN 2025**

**DEPOSIT PEMATUHAN SYARAT KEPADA PEMEGANG TENEMEN MINERAL
DAN PERMIT KHAS MINERAL NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua pemegang Tenemen Mineral (TM) dan Permit Khas Mineral (PKM) di Negeri Selangor serta semua jabatan dan agensi teknikal yang berkaitan, berkenaan Deposit Pematuhan Syarat (DPS) kepada pemegang TM dan PKM di Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada masa kini, terdapat 258 Tenemen Mineral (TM) di bawah Enakmen Mineral (Selangor) 2000 EMS yang masih aktif iaitu 8 Pajakan Melombong (ML), 91 Lesen Melombong Tuan Punya (PML), 153 Lesen Mendulang dan 4 Permit Khas Mineral (PKM) telah dikeluarkan dan dijangkakan akan bertambah di masa hadapan selaras dengan peningkatan permintaan terhadap sumber mineral yang semakin tinggi masa kini.

2.2 Kesemua pengeluaran TM dan PKM ini telah menyumbang kepada hasil sumber mineral kepada Kerajaan Negeri Selangor. Berdasarkan rekod keseluruhan bagi tahun 2023, sejumlah RM1.82 juta telah berjaya dikutip daripada hasil sumber mineral dari kawasan-kawasan yang telah diberikan TM dan PKM ini. Pada tahun 2024, hasil

sumber mineral Negeri Selangor telah mencatatkan kutipan sebanyak RM 4.8 juta dan dijangka angka ini akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

- 2.3 Sesuai dengan peningkatan kepada permintaan bagi pasaran bahan mineral yang semakin meluas, cadangan mewujudkan DPS ini dilihat sebagai langkah yang paling wajar bagi mengawal dan mengelakkan ketidakpatuhan serta pelanggaran syarat-syarat yang ditetapkan dari semasa ke semasa kepada semua pemegang TM dan PKM di Negeri Selangor sekaligus dapat menjaga nama baik dan imej Kerajaan Negeri Selangor yang sentiasa cakna dengan isu-isu sekitar yang berkait secara langsung atau tidak langsung dengan industri perlombongan dan penghasilan bahan mineral di Negeri Selangor.
- 2.4 Sehubungan dengan itu, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) telah membawa usul untuk cadangan pengenaan DPS kepada pemegang TM dan PKM ini ke Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri Selangor (JSMNS) untuk syor kelulusan, dan JSMNS Bil.1/2023 yang telah bersidang pada 25 September 2023 telah memperakui dan mengesyorkan lulus cadangan tersebut seterusnya diangkat untuk pertimbangan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).
- 2.5 Bermula 1 April 2024, deposit pematuhan syarat bagi PKM telah dikenakan dan dikuatkuasakan melalui **Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor (“Pekeliling PTGS”) Bilangan 2 Tahun 2024 Garis Panduan Permohonan Permit Khas Negeri Selangor** selepas ini dikenali sebagai **“Pekeliling PTGS Bil.2/2024”**. Walau

bagaimanapun, deposit pematuhan syarat bagi pemegang TM masih belum dilaksanakan.

- 2.6 Seterusnya, MMKN melalui Cabutan Kertas Ringkasan MMKN bertarikh 3 Julai 2024 kertas ringkasan MMK.No. 16 / 18 / 2024 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 19 / 2024 pada 17 Julai 2024 telah menimbang dan meluluskan cadangan pengenaan DPS kepada pemegang TM dan PKM di Negeri Selangor.

3. KAEDAH DAN PELAKSANAAN DEPOSIT PEMATUHAN SYARAT (DPS) KEPADA PEMEGANG TM DAN PKM DI NEGERI SELANGOR

- 3.1 DPS ini bertujuan untuk mengawal dan mengelakkan ketidakpatuhan serta pelanggaran syarat-syarat yang ditetapkan dari semasa ke semasa kepada semua pemegang TM dan PKM sedia ada dan baru.
- 3.2 DPS kepada pemegang TM di Negeri Selangor seperti di *Jadual 1* adalah terpakai untuk pemegang TM jenis Lesen Melombong Tuanpunya (PML) dan Pajak Melombong (ML) sahaja sekaligus membatalkan perenggan 4.4.1 – 4.4.2 seperti di pekeliling **PTGS Bil.5/2021** dan perkara 3.2.1 – 3.2.2 seperti di **minit mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Pembangunan Kumpulan Semesta Sd. Bhd. Bil.1/2017**.
- 3.3 Kadar DPS kepada pemegang TM di Negeri Selangor ini adalah merujuk kepada kadar pematuhan syarat permit 4C sedia ada, dengan pindaan kadar menggunakan keluasan kawasan (hektar) TM berdasarkan kelulusan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM)

atau *Operation Mining Scheme (OMS)* seperti *Jadual 1*. Contoh kiraan adalah seperti di *Jadual 2*.

- 3.4 Bagi DPS pemegang PKM, kadarnya ialah sebanyak **RM10,000 per ekar (mengikut keluasan kawasan kerja)** atau boleh dirujuk kepada perenggan 3.2.4 di Pekeliling PTGS Bil.2/2024.

Keluasan Tanah Perlombongan	Kadar Deposit Pematuhan Syarat
1 hektar hingga 50 hektar	RM 10 ribu per hektar
51 hektar hingga 200 hektar	RM 500 ribu
201 hektar hingga 300 hektar	RM 1 juta
301 hektar hingga 500 hektar	RM 1.5 juta
Melebihi 500 hektar	RM 2 juta

Jadual 1

Contoh keluasan TM yang diluluskan	Contoh kiraan kadar deposit yang perlu dibayar
24.61 hektar	24.61 x RM10 ribu = RM 246,100.00
68.16 hektar	RM 500 ribu
254.63 hektar	RM 1 juta
385.02 hektar	RM 1.5 juta
501 hektar	RM 2 juta

Jadual 2

- 3.5 Pembayaran DPS ini hendaklah dibuat dengan merujuk kepada surat arahan bayaran yang dikeluarkan oleh PTGS.
- 3.6 Pengarah PTGS boleh, pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu, merampas sejumlah wang deposit yang difikirkan sesuai jika ia berpuas

hati bahawa pemegang TM dan PKM itu telah memungkiri mana-mana terma atau syarat yang dinyatakan dalam TM dan PKM itu.


- 3.7 Bagi maksud sub perenggan 3.6, Pengarah PTGS hendaklah menyampaikan atau menyebabkan disampaikan kepada pemegang TM dan PKM, notis / surat bertulis tentang tujuan untuk merampas DPS itu. Walau bagaimanapun, pemegang TM dan PKM diberi peluang untuk membuat representasi bertulis mengenainya dalam masa 14 hari dari tarikh penyampaian notis itu.
- 3.8 Apabila habis tempoh 14 hari yang disebut dalam sub perenggan 3.7 dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang TM dan PKM itu, Pengarah PTGS pada bila-bila masa, memberi pemegang TM dan PKM itu notis / surat bertulis tentang keputusannya dan keputusan Pengarah PTGS adalah muktamad.
- 3.9 Sekiranya jumlah DPS yang dirampas menyebabkan jumlah deposit yang telah dibayar menjadi kurang dari kadar yang ditetapkan, pemegang TM dan PKM perlu membuat bayaran ganti sehingga mencukupi jumlah deposit yang ditetapkan dalam tempoh tempoh 60 hari bekerja dari tarikh surat arahan pembayaran dikeluarkan. Sekiranya pembayaran tersebut tidak dilakukan sehingga tamat tempoh yang telah ditetapkan, pemegang TM dan PKM dianggap telah melanggar syarat dan peraturan yang ditetapkan dan boleh dikenakan tindakan sewajarnya.
- 3.10 Untuk pemulangan semula DPS, pemegang TM dan PKM dikehendaki untuk menghantar surat pemakluman rasmi berkenaan cadangan

penamatan operasi selewat-lewatnya 6 bulan dari tarikh cadangan tamat operasi. pemegang TM dan PKM boleh membuat permohonan pemulangan semula melalui PTGS dan akan diproses mengikut kaedah permohonan pemulangan deposit / kaedah-kaedah lain yang ditetapkan oleh Pengarah PTGS dari semasa ke semasa.

- 3.11 Pemegang TM dan PKM dikehendaki untuk mematuhi semua syarat dan peraturan yang telah ditetapkan di dalam pekeliling ini dan mematuhi mana-mana Pekeliling PTGS serta arahan Pengarah PTGS yang berkaitan yang sedang berkuatkuasa dan mematuhi semua syarat dan peraturan yang akan ditetapkan oleh PTGS dari semasa ke semasa (sekiranya ada) dan apa-apa keputusan Pengarah PTGS berkenaan hal ini adalah muktamad.

4. **TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

Pelaksanaan arahan dalam Pekeliling ini berkuat kuasa **serta merta** bermula tarikh pekeliling ini dikeluarkan.



(DATO' DR. YUSRI BIN ZAKARIAH) D.S.I.S.,S.M.S.

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

Tarikh: 26 Mac 2015